

## SIARAN MEDIA

### PEMBINAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TERUS MENJADI FOKUS KPKT DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

**PUTRAJAYA, 10 Mac 2023** - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus komited menjayakan agenda Malaysia Berdaya Huni melalui penyediaan perumahan mampu milik yang berkualiti dan perkhidmatan kebombaian yang responsif dan efektif.

Bagi tahun 2023, KPKT akan memberi tumpuan dan keutamaan kepada pembinaan projek PPR yang melibatkan penyediaan tapak tanah secara percuma atau dengan kadar premium nominal oleh Kerajaan Negeri. Manakala bagi pembinaan projek Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) pula, Kerajaan Negeri perlu menyediakan tapak tanah yang bersesuaian bagi tujuan pembinaan BBP tersebut untuk diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Faktor ini akan diambil kira selain daripada skor kajian *fire cover* yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

KPKT juga akan memastikan aspek komersial turut diambil kira supaya perumahan yang dibangunkan adalah memenuhi ciri-ciri kondusif dan berdaya huni dengan mengutamakan lima (5) elemen iaitu *accessibility*, *liveability*, *connectivity*, *sustainability* dan *good community*.

Bagi pelaksanaan projek-projek baharu, KPKT akan mempertimbangkan pelaksanaan kajian berdasarkan pulangan pelaburan (*return of investment*), analisis kos faedah (*cost benefit analysis*), indeks kesahan dan kebolehpercayaan (*credibility reliability index*) dan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*). Dapatan kajian ini akan memberi fokus yang jelas dan nyata serta menghindarkan ketirisan perbelanjaan bagi mencapai mutu tertinggi dan kesejahteraan rakyat.

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)